

# AUDIT KESELAMATAN DI TAPAK BINA

MAHADI BIN MUSTAFA

Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan ijazah Sarjana Muda Sains Pembinaan

Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia

April, 2010

## ABSTRAK

Audit keselamatan di tapak bina merupakan salah satu kerja yang penting dan perlu dilaksanakan oleh pihak pengurusan tapak bina. Dalam pengurusan keselamatan tapak bina, pelbagai kos diperuntukkan bagi menjamin tahap keselamatan yang mencukupi dan bagi menjamin pelaksanaan kerja di tapak bina supaya tidak diganggu akibat kejadian kemalangan. Dalam kerja-kerja audit, pemeriksaan dibuat, dan seterusnya juruaudit akan menyediakan laporan bertulis kepada pihak pengurusan. Kandungan laporan menyatakan segala kelemahan yang terdapat dalam sistem kawalan dan mencadangkan cara untuk memperbaiki keadaan. Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenal pasti kaedah pelaksanaan audit keselamatan di tapak dan juga mengenal pasti masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan audit keselamatan di tapak bina. Borang soal selidik telah diedarkan kepada responden di sekitar Johor Bahru termasuk projek pembinaan dalam Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Pihak yang terlibat dalam kerja-kerja audit keselamatan tapak ini, ialah pegawai keselamatan tapak dan penyelia keselamatan dan kesihatan tapak (*site safety supervisor*). Kajian mendapati kaedah yang digunakan untuk mendapatkan maklumat dan data-data adalah dengan pendedaran borang soal selidik. Data yang di kumpul di proses menggunakan perisian komputer seperti *SPSS*, *Microsoff Office Word*, dan *Microsoff Office Excel*. Didapati bahawa dalam kajian ini responden telah melaksanakan audit keselamatan di tapak bina dengan menggunakan kaedah seperti temu bual, pemerhatian, senarai semak, seta semakan dokumen dan proses kerja. Halangan dan masalah juga dihadapi oleh pihak responden dalam pelaksanaan kerja-kerja audit keselamatan di tapak bina ini.

## ABSTRACT

Safety audit in construction sites is one of the important task and should be implemented by the management of construction sites. In the management of construction site safety, various costs are allocated to ensure an adequate level of safety and to ensure the implementation of the work on construction sites would not be interrupted by accident. In the work of audit, inspection is made, and the auditor will prepare a written report to management. Contents of the report may state the weaknesses in the control system and the recommendation to improve the situation. The purpose of this research are to identify the methods of implementing security audit in construction site and to identify problems which encountered in the implementation of safety audits on site. Questionnaires were distributed to respondents in Johor Bahru, including construction sites in the Technological University of Malaysia, (UTM). The parties who involved in site safety audit, one Site Safety Officer and the Site Safety Supervisor. The method used to obtain information and data was through distribution of questionnaires. The data collected were processed by using computer software such as *SPSS, Microsoff Office Word, Office Excel*. In this study it was found that respondents conducted a security audit site by using many methods such as interview, observation, checklist, review of documents and work processes. Besides respondents faced some constraints and problems in implementation of the safety audit work in construction site.